

KERATAN AKHBAR

JUDUL : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2022

SITASI :

M/S : -

Qudri Ali Abu Bakar. "Perpustakaan perlu perhebat promosi aktiviti", *Sinar Harian*, 8 September 2022, <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/09/997790/perpustakaan-perlu-perhebat-promosi-aktiviti>. Di akses pada 10 September 2022.



Perpustakaan masa kini dikunjungi oleh ramai orang atas pelbagai kehendak. Walaupun sebahagian besar menggunakannya sebagai ruang untuk mengulang kaji tidak kira secara berkumpulan atau sendirian, tidak kurang yang menjadikannya tempat untuk mendapatkan perkhidmatan internet dan rujukan maklumat.

Malah ada ketika, perpustakaan turut mengendalikan pelbagai program yang bersesuaian mengikut had umur penggunaanya dalam meneruskan promosi perkhidmatan mereka.

Umumnya, tujuan program sebegitu diadakan adalah untuk menggalakkan komuniti sama ada di bandar mahupun luar bandar mengunjungi perpustakaan secara berterusan.

Antara kaedah yang boleh diguna pakai oleh perpustakaan dalam mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan, termasuk membina kerjasama dengan media. Kerjasama ini bagi mempromosikan perkhidmatan yang disediakan. Ia juga menjadi ruang yang luas untuk mendekati orang awam.

Guna pengaruh media

Hari ini kewujudan pelbagai jenis media sosial juga perlu diakui pengaruh dan keberkesanannya. Media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram, boleh diharapkan untuk menyokong aktiviti promosi dengan lebih berkesan bagi perpustakaan.

Namun dalam keadaan tertentu, peranan media sosial agak terbatas disebabkan pelbagai faktor, misalnya lokasi terlalu jauh di pedalaman membataskan liputan komunikasi. Dalam hal ini, media konvensional radio atau televisyen dianggap sebagai wadah promosi terbaik.

Sebagai contoh, berkongsi koleksi terkini atau aktiviti yang giat dijalankan oleh sesebuah perpustakaan.

Bagaimanapun, perpustakaan juga perlu berkolaborasi dengan media massa seperti akhbar, radio atau televisyen bagi memperluaskan aktiviti promosi perkhidmatan perpustakaan sedia ada.

Misalnya, baru-baru ini *Majalah Tiga* ada menyiarkan aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia dalam penjagaan rapi terhadap manuskrip Melayu dengan penerangan daripada mereka yang bertanggungjawab.

Hal ini menjelaskan pengaruh dan wibawa media konvensional dalam mempromosikan aktiviti perpustakaan.

Qudri Ali Abu Bakar,

Kuala Lumpur